

11 JAN 2000

Pencalonan

LAGI NEGERI SOKONG TIADA PERTANDINGAN DUA JAWATAN TERTINGGI

PUTRAJAYA, 11 Jan (Bernama) -- Dua lagi badan perhubungan Umno negeri bersetuju dengan cadangan Majlis Tertinggi supaya dua jawatan tertinggi parti itu tidak dipertandingkan pada pemilihan Mei ini.

Ini menjadikan empat negeri, selepas Johor dan Melaka, bersetuju dengan keputusan majlis tertinggi parti itu berhubung perkara ini.

Pahang dan Perak dijangka akan membuat keputusan yang sama tidak lama lagi.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pahang Datuk Adnan Yaakob hari ini berkata pihaknya akan bermesyuarat minggu depan bagi membincangkan pelbagai perkara termasuk pemilihan itu.

"Saya menjangkakan tidak akan ada apa-apa masalah. Kita akan mematuhi keputusan Majlis Tertinggi sebab kita percaya keputusan ini ialah satu keputusan yang bijak," katanya kepada pemberita selepas menghadiri sesi kepimpinan bagi 100 anggota Umno di Jabatan Perdana Menteri, di sini.

MT dalam mesyuaratnya 3 Jan lepas memutuskan supaya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dikekalkan pada jawatannya sebagai presiden Umno manakala Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dicalonkan untuk jawatan timbalan presiden.

Ia juga mengesyorkan supaya kedua-dua jawatan itu tidak dipertandingkan.

Adnan berkata saranan MT itu ialah sesuatu yang baik dan semua anggota parti patut akur demi menjaga kekuatan parti.

"Saya percaya kalau ada pertandingan, pasti ada perpecahan," katanya.

Katanya kadang-kadang, demokrasi tidak membawa banyak kebaikan kerana ia juga mempunyai kelemahan yang boleh membawa kepada perpecahan.

"Kenapa kita tidak gunakan keputusan MT sebagai satu cara untuk kita memelihara keutuhan parti," katanya.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Wilayah Datuk Suleiman Mohamed ketika ditemui pemberita berkata semua 11 bahagian Umno Wilayah membuat keputusan menyokong nasihat MT itu.

Katanya adalah penting pemilihan Umno tidak dijadikan sebagai kancah perebutan jawatan dalam parti kerana Umno kini berdepan dengan pelbagai musuh di luar.

"Kita masih berdepan dengan Pas, Keadilan dan lain-lain pembangkang. Jadi kalau ada pertandingan jawatan tertinggi dalam parti, macam mana kita nak berdepan dengan musuh di luar," katanya.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim berkata kesemua tiga bahagian Umno negeri menyokong saranan MT kerana ia akan mengelakkan perpecahan dalam parti.

Sementara itu, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Perak Datuk Tajol Rosli Ghazali berkata badan itu akan mengadakan mesyuarat dalam minggu ini.

Beliau secara peribadi bersetuju dengan nasihat MT supaya tiada pertandingan bagi kedua-dua jawatan tertinggi Umno.

-- BERNAMA

MAM HS zb